

## **Perniagaan Usahasama dengan Masyarakat Temiar di Lojing, Gua Musang; Tatabudaya Penerimaan dan Prospek Perniagaan Muslim**

**Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif<sup>1</sup>, Dr. Nur Azuki bin Yusuff<sup>2</sup> dan Marwan bin Ismail<sup>3</sup>**

### **Abstrak**

*P*rospek perniagaan usahawan muslim bersifat usahasama dengan masyarakat Bumiputera Senoi suku Temiar di kawasan tanah tinggi Lojing, Gua Musang adalah besar. Begitu juga dari sudut penerokaan kawasan tersebut untuk pelbagai sektor ekonomi yang menaiktarafkan kehidupan mereka di samping memajukan perniagaan yang diceburi usahawan muslim. Kertas kerja ini mengetengahkan tiga perkara utama iaitu berkenaan pengenalan terhadap potensi sumber alam dan kerjaya masyarakat tempatan, seterusnya bentuk prospek perniagaan yang boleh diceburi usahawan muslim bersama masyarakat Bumiputera Senoi suku Temiar di samping mengetahui pendekatan budaya dan sosial ke arah penerimaan masyarakat ini terhadap masyarakat luar khususnya usahawan muslim. Masyarakat Temiar tidak mudah dijinakkan dengan janji-janji kosong walaupun mereka bersifat penyegan dan menghormati tetamu. Pembelaan nasib mereka perlu diberi perhatian dalam maksud tidak boleh mengambil kesempatan terhadap mereka. Pengumpulan sumber asli, kemahiran kraftangan dan jualan barangan kemudahan asas adalah antara potensi utama perniagaan di Lojing di samping pertanian tanah tinggi. Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan perlu diwujudkan bagi memudahkan sebarang urusan berkaitan. Usahawan muslim perlu menilai setiap potensi ekonomi di Lojing berdasarkan keperluan semasa di samping mengambilkira kemudahan pengangkutan dan sistem kawal selia pengumpulan produk perniagaan.

---

<sup>1</sup> Beliau adalah bekas pengarah ISME UUM sebelum berkhidmat sebagai Pengarah ISME, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI), UMK.

<sup>3</sup> Pensyarah PBPI dan Ketua Unit Ko Kurikulum, UMK.

## **1.0 Pengenalan**

Usahawan muslim perlu meneroka pelbagai sektor ekonomi, bersaing merebut peluang dan membina kesejahteraan umat demi kelangsungan pembangunan Islam. Kertas kerja ini disandarkan kepada hasil penemuan beberapa kajian yang dilakukan di bawah Program Ekspedisi Sainifik di Lojing anjuran Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Malaysia Sabah berserta jabatan-jabatan Kerajaan Kelantan yang berkaitan pada Jun 2008.<sup>4</sup>

Penduduk tempatan Tanah Tinggi Lojing majoritinya terdiri daripada Bumiputera Senoi dari suku Temiar. Terdapat juga sebilangan kecil mereka dari kalangan penduduk Kelantan, Cina dan kaum pendatang seperti Banggala yang menetap bersama mereka samada secara kahwin campur, kerja pembalakan atau menginap bersama atas pelbagai urusan. Kebanyakan mereka beragama Islam yang masih mengamalkan kepercayaan animisme dan tidak kurang juga yang beragama Kristian. Masyarakat tempatan ini menjalankan aktiviti sara hidup secara kecil-kecilan seperti berternak, bercucuk tanam dan meramu hasil hutan.<sup>5</sup>

Tanah Tinggi Lojing terletak di sebelah selatan negeri Kelantan dan di sebelah utara Tanah Tinggi Cameron pada ketinggian 1400 meter dari paras laut dengan keluasan sekitar 23,435 hektar. Tanah Tinggi Lojing dilitupi beberapa buah bukit di sekitarnya iaitu Gunung Warpu (sebagai puncak), Gunung Tangga, Gunung Chall, Bukit Senjort, Bukit Pangas dan Bukit Tajam. Ianya dialiri oleh beberapa batang sungai yang menjadi sumber

---

<sup>4</sup> Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli UMK dan Universiti Malaysia Sabah merupakan urusetia kepada Program Ekspedisi Sainifik di Lojing ini yang berlangsung dari 26hb. Mei hingga 14hb. Jun 2008. Program ini mendapat liputan meluas oleh pihak media massa dan Kementerian Pengajian Tinggi.

<sup>5</sup> Bilangan penduduk di Pos Balar iaitu Pos berdekatan Lojing ialah 564 orang. Jadi pengkaji menganggarkan penduduk Pos Lojing tidak lebih dari 3 ribu orang memandangkan kerana bilangan pelajar di SK Pos Brooke di Lojing pun sekitar 300 orang sahaja.

utama air kepada penduduk iaitu Sungai Belatop dan Sungai Nenggiri. Cuaca Tanah Tinggi Lojing adalah sederhana sejuk dengan suhu antara 18 - 27°C.

## **2.0 Prospek Perniagaan Usahawan Muslim di Lojing**

Perkembangan dunia perniagaan dan keusahawanan banyak menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia dan juga pembangunan insaniah masyarakat sejagat.<sup>6</sup> Kawasan yang menjadi fokus penemuan hasil kajian dan perbincangan ini ialah dari Kuala Betis sehingga sempadan Cameron Highland iaitu sejauh kira-kira 100 kilometer. Kenyataan yang diketengahkan nanti adalah sah sehingga tempoh terkini Jun 2008. Dalam mengenal pasti dan mengkaji potensi asas keusahawanan di Lojing, tiga skop utama ini perlulah dirujuk iaitu:<sup>7</sup>

- a) Inventori perniagaan yang sedia ada.
- b) Potensi perniagaan yang boleh diusahakan.
- c) Rantaian perniagaan.

### **2.1. Inventori Perniagaan**

Bentuk perniagaan, penternakan dan pertanian yang terdapat di kawasan Lojing kini masih di peringkat asas yang kebanyakannya kurang bersifat komersial iaitu merujuk kepada jadual di bawah:

<b>Perniagaan</b>	<b>Pertanian</b>	<b>Penternakan</b>
Kedai Makan	Kebun/Ladang Bunga	Kambing
Bengkel Kenderaan	Kebun/Ladang Sayur	Biri-biri

<sup>6</sup> McMullan, Ed. W. and Long, Wayne A., (1990). *Developing New Ventures: The Entrepreneurial Approach*, Harcourt, Brace and Javanovich. Lihat juga Aziz Latif. (2002). Unpublished. Introduction to Venture Entrepreneurship.

<sup>7</sup> Berdasarkan Kajian bertajuk “Menenalpasti dan Mengkaji Potensi Program Asas Keusahawanan di Lojing” oleh Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latif dibantu oleh Shah Iskandar Fahmie Ramlee, Wan Farha Wan Zulkiffli, Ashirah Hj Abd Rahman dan Noorul Azwin Md Nasir, tutor UMK.

(Motor)		
Kedai Runcit	Kebun/Ladang Buahhan	Sara Hidup
Kedai Perkakasan (HardWare)	Program Kawasan Tanaman Dalam Pemulihan (oleh Jabatan Pertanian)	Anjing (tujuan pemburuan dan keselamatan)
	Projek DiRaja Strawberi	
	Sara Hidup	

Terdapat juga sebilangan penduduk tempatan yang menjual hasil tanaman seperti ubi, jagung dan sayuran dari rumah mereka sendiri atas permintaan pembeli atau pasaran setempat.

## **2.2. Potensi Perniagaan**

Kawasan Tanah Tinggi Lojing merupakan kawasan yang masih belum diterokai sepenuhnya. Terdapat beberapa perniagaan yang telah dikenalpasti amat berpotensi untuk dimajukan, antaranya:

- i. Bidang Pertanian
  - Kumpulan buahan beri
  - Tumbuhan perubatan dan herba
  - Bunga-bunga
  - Teh
  - Buah-buahan bersuhu sederhana sejuk
- ii. Berasaskan gerai dan kedai
  - Gerai buah-buahan
  - Gerai makan
  - Rehat dan Rawat (R&R)
  - Kedai jualan kraftangan
  - Kedai perkakasan alatan dapur

- Gudang dan stor simpanan makanan sejuk beku dan barangan runcit.
- iii. Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
  - Pertukangan dan kraftangan
  - Baja dan racun
  - Perusahaan makanan ringan
- iv. Pusat Latihan Kemahiran
  - Pertanian
  - Perniagaan
  - MARA
- v. Telekomunikasi
  - Telefon
  - Internet
  - Pos
- vi. Hasil Hutan
  - Ubat-ubatan tradisional
  - Pokok dan serangga yang bernilai tinggi di pasaran.
- vii. Pengangkutan
  - Pacuan empat roda (tinjauan, pemasaran dan pelancongan)
  - Bas (lalan utama Cameron Highland dan Kuala Betis)
  - Kedai petrol pam

### **2.3. Rantaian Perniagaan**

Merujuk kepada potensi perniagaan yang diketengahkan, ditambah dengan bentuk perniagaan yang sedang berlangsung di sana, berikut adalah rantaian perniagaan yang boleh dimajukan di Tanah Tinggi Lojing.

- i. Pelancongan
  - Kolam air panas yang terdapat di Tanah Tinggi Lojing telah pun diserahkan kepada sebuah syarikat untuk dimajukan.

Syarikat ini bercadang untuk membina sebuah pusat peranginan di kawasan tersebut. Para usahawan yang berminat bolehlah meninjau potensi perniagaan berkaitan pelancongan lain di situ.

- Antara lain, perniagaan hartanah boleh juga dikembangkan sebagai contohnya bagi pembinaan hotel dan rumah penginapan.

ii. Pertanian

- Contoh tanaman yang sedang diusahakan di Tanah Tinggi Lojing ialah terung, tomato, lada benggala, kobis, sawi, strawberi dan lain-lain.

iii. Pengangkutan

- Secara keseluruhannya, jalan utama di Tanah Tinggi Lojing berturap dengan baik. Walau bagaimanapun, jalan akses ke ladang-ladang masih belum memuaskan.

iv. Telekomunikasi

- Di Tanah Tinggi Lojing, kami mendapati tiada sebarang kemudahan telekomunikasi di antara penduduk setempat dengan dunia luar. Ini termasuklah penggunaan telefon bimbit, telefon awam dan internet.

v. Perniagaan Industri Kecil Sederhana

- Hanya terdapat satu bengkel motor, kedai makan dan kedai runcit di Lojing.

Cuaca Tanah Tinggi Lojing yang sederhana sejuk amat sesuai untuk aktiviti pertanian, perniagaan dan pelancongan. Bandingan mudah berkenaan prospek masa depan kawasan ini bolehlah dibandingkan dengan tanah tinggi Cameron Highland yang terkenal kini.


### **3.0 Pendekatan Budaya dan Sosial Ke arah Penerimaan Masyarakat Tempatan Terhadap Masyarakat Luar Khususnya Usahawan Muslim**

Sebelum membincangkan pendekatan bagi memulakan sebarang urusan berkaitan prospek yang ingin diceburi. Pengenalan terhadap masyarakat tempatan perlulah didalami bagi memudahkan sistem komunikasi asas dibentuk.

Dapatan kajian awal yang dihasilkan ini merujuk kepada beberapa persoalan soal selidik dan temubual yang diajukan kepada 91 orang penduduk tempatan dan 65 masyarakat luar yang sudah biasa dengan penduduk tempatan. Persoalan yang diajukan melibatkan persoalan umum penerimaan mereka dan berkenaan bentuk nilai tradisi dan budaya yang menyokong penerimaan. Berikut adalah pernyataan umum berkaitan:<sup>8</sup>

1. Adakah penduduk tempatan amat gembira dan sangat mengalu-alukan pengunjung?

1	1	1%
2	6	4%
3	47	30%
4	64	41%
5	38	24%



Laporan menunjukkan penduduk tempatan bersetuju dan mengalu-alukan kedatangan pengunjung (65%). Namun, sebahagian kecilnya turut ada yang

<sup>8</sup> Berdasarkan laporan "Kajian Penerimaan Pengunjung oleh Penduduk Lojing dan Nilai Budaya yang Menyokongnya" oleh Dr. Nur Azuki Yusuff dan pembantunya Mohd Syahrul Azhan Mat Yaakub, UMK.

kurang dan tidak bersetuju (5%) bahkan peratusan yang besar juga teragak-agak untuk menerima pengunjung (30%).

Melalui wawancara pun menunjukkan penduduk tempatan boleh menerima masyarakat luar. Cuma perlu dilihat juga kepada siapa yang ingin berkunjung itu dan apa yang mereka inginkan daripada penduduk tempatan. Ini kerana kebelakangan ini sudah wujud prasangka buruk terhadap niat memeralatkan mereka disebabkan beberapa kes yang pernah berlaku.

2. Adakah perasaan hormat kepada pengunjung disebabkan kepelbagaian budaya dan bangsa?


Penduduk (32%) tidak melihat bangsa yang pelbagai itu sebagai tanda untuk menghormati mereka. Bahkan sebahagian kecilnya (10%) menganggapkan sama sahaja apabila disebut orang luar. Namun sebahagian besar juga mereka (49%) yang menyatakan perlu melihat bangsa apa yang perlu mereka terima atau tidak.

Mereka turut menyatakan melalui wawancara bahawa perasaan terhadap pendatang (berizin atau tanpa izin kerajaan) kurang boleh dipercayai berbanding orang Melayu Islam dan Cina. Ini kerana wujud keadaan mengambil kesempatan di sebalik kelemahan penduduk tempatan, contohnya perkahwinan yang semata-mata ingin memohon hak kerakyatan.

3. Apakah penduduk tempatan melayan pengunjung dengan baik walaupun mereka tidak mendapat apa-apa keuntungan/kepentingan dari mereka?



1	3	2%
2	38	24%
3	44	28%
4	45	29%
5	26	17%




Keikhlasan masyarakat tempatan diuji dengan penilaian ini apabila tidak sampai separuh dari mereka (46%) yang bersetuju dengan layanan akan diberikan walaupun tiada sebarang habuan. Sebilangan 26% daripada responden yang melihat layanan hanya diberi apabila diberi habuan.

Apabila persoalan ini diajukan kepada informan penduduk tempatan, kebanyakannya segan dan tidak menjawab. Apabila ditanyakan kepada penduduk luar maka jelas mereka mengatakan hubungan baik antara penduduk tempatan dan masyarakat luar banyak berkisar tentang keuntungan apa yang mereka perolehi sekiranya mereka membantu masyarakat luar.

4. Adakah pengunjung boleh tinggal bersama penduduk tempatan seminggu atau lebih ?

1	2	1%
2	34	22%
3	60	38%
4	38	24%
5	22	14%




## Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan

Rata-rata responden (60%) teragak-agak dan kurang bersetuju apabila diminta/tanya adakah **boleh bagi** pengunjung menetap bersama penduduk tempatan, bahkan ada yang tidak bersetuju (1%). Akan tetapi tidak kurang juga yang mengalu-alukan pengunjung untuk tinggal bersama mereka iaitu 38%.

Antara punca yang dikenalpasti mereka segan menerima pengunjung tinggal bersama mereka disebabkan kedaifan mereka dan hak *privacy*.

5. Adakah penduduk tempatan menawarkan banyak perkhidmatan kepada pengunjung ?

1	2	1%
2	31	20%
3	65	42%
4	37	24%
5	21	13%



Sebagaimana hasil jawapan soalan sebelum ini iaitu ramai di kalangan responden (42%) yang teragak-agak untuk menyatakan kesediaan menawarkan perkhidmatan kepada pengunjung. Bahkan 21% reponden kurang dan tidak mahu menawarkan perkhidmatan kepada pengunjung. Namun begitu, tidak dinafikan sebahagian besar juga (37%) yang menyatakan kesediaan menawarkan sebarang perkhidmatan yang diperlukan pengunjung sekiranya diminta pertolongan.


Kewajaran keputusan ini kerana pada anggapan mereka adalah wajar untuk diberikan sebarang habuan bagi setiap perkhidmatan yang diberikan mereka, walaupun dengan hanya sebatang rokok untuk orang dewasa ataupun gula-gula untuk kanak-kanak.

### 3.1 Bentuk Nilai Tradisi dan Budaya yang Menyokong Penerimaan

Tambahan maklumat yang lebih khusus ialah:

#### 1. Penduduk sukakan ilmu dan kemodenan yang dibawa pengunjung.

1	1	<b>1%</b>
2	8	<b>5%</b>
3	34	<b>22%</b>
4	78	<b>50%</b>
5	35	<b>22%</b>




Responden jelas menyatakan penduduk sukakan ilmu dan kemodenan yang dibawa pengunjung (72%). Walaupun demikian, wujud juga pernyataan bahawa penduduk agak ragu-ragu, kurang dan tidak bersetuju dengan bentuk ilmu yang disampaikan oleh pengunjung.

Apabila ditanyakan kepada penduduk dan informan lain, mereka merasakan kemungkinan disebabkan sikap tidak ingin berubah dari corak hidup masyarakat tersebut.

#### 2. Penduduk kurang sensitif apabila dikatakan hidup mereka mundur dan daif.

1	7	<b>4%</b>
2	23	<b>15%</b>
3	73	<b>47%</b>
4	41	<b>26%</b>
5	12	<b>8%</b>




### *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*

Persoalan yang dikemukakan ini tidak menampakkan reaksi tidak bersetuju sekiranya dikatakan mereka berstatus tersebut (66%). Mereka akur dengan kedaifan dan kemunduran seadanya. Namun, masyarakat ini tidak menyenangi sekiranya label tersebut dijadikan perkara yang boleh menjatuhkan imej mereka (34%).

3. Sebahagian dari penduduk tempatan mesra apabila diajak berbual dan diminta kerjasama.


1	1	<b>1%</b>
2	14	<b>9%</b>
3	47	<b>30%</b>
4	69	<b>44%</b>
5	25	<b>16%</b>



Walaupun sebilangan besar responden, menyatakan kemesraan berbual dan bekerjasama wujud (60%), namun wujud sebilangan besar penduduk yang masih susah untuk didekati dan kurang mesra dengan pengunjung (40%). Antara alasan yang diberikan oleh informan ialah kerana mereka malu, segan dan berasa hina diri.

4. Penduduk tempatan lebih menerima teguran dan ajaran pemimpin dan orang tua mereka berbanding orang luar.

1	2	<b>1%</b>
2	9	<b>6%</b>
3	33	<b>21%</b>
4	75	<b>48%</b>
5	37	<b>24%</b>




*Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*

Jelasnya kepatuhan penduduk kepada ketua/pemimpin mereka begitu ketara sekali (72%). Namun begitu, wujud juga penduduk yang bersikap terencil (21%), bahkan ada yang menafikan kepimpinan ketua mereka (7%).

5. Tidak semua penduduk yang lebih menghormati pihak yang memberi bantuan/keuntungan kepada mereka sahaja.


1	12	<b>8%</b>
2	18	<b>12%</b>
3	40	<b>26%</b>
4	50	<b>32%</b>
5	36	<b>23%</b>



Responden bersetuju menyatakan penduduk lebih menghormati pihak yang memberi bantuan dan keuntungan kepada mereka (55%). 26% responden menyatakan pemberian bantuan dan keuntungan bukanlah satu-satunya cara tanda hormat mereka kepada pengunjung. Begitu juga wujud penafian kenyataan ini oleh para responden (20%).

6. Pengunjung yang mengkritik amalan beragama/kepercayaan dan adat, tidak disukai.


1	114	<b>73%</b>
2	42	<b>27%</b>



Pengunjung yang mengkritik amalan beragama/kepercayaan dan adat sememangnya tidak disukai (73%). Lebih teruk lagi sekiranya kritikan itu bersifat terang-terangan.

7. Pengunjung lelaki boleh bertegur mesra dengan gadis atau kaum wanita penduduk.

1	29	<b>19%</b>
2	127	<b>81%</b>




Tidak wujud keadaan bahawa pengunjung lelaki tidak boleh bertegur mesra dengan gadis atau penduduk kaum wanita. Ini kerana mereka tidak melihat ianya sebagai satu kesalahan.

Namun demikian, perlu diingatkan bahawa 19% responden menyatakan tidak boleh. Informan menyatakan ianya disebabkan kerana telah wujud beberapa keadaan yang terancam pernah dialami segelintir anak gadis mereka sebelum ini.

8. Pengunjung tidak boleh berada bebas di dalam rumah penduduk tempatan.


1	75	<b>48%</b>
2	81	<b>52%</b>



Walaupun penduduk membenarkan mereka dikunjungi/dilawati dan naik ke rumah mereka (48%), berada bebas di dalam rumah penduduk tidak disenangi oleh penduduk (52%).

9. Pengunjung Bumiputera dan Kelantan tidaklah diterima penduduk tempatan lebih berbanding warga asing.

1	49	<b>31%</b>
2	107	<b>69%</b>




Penduduk Lojing menurut pandangan responden tidak melihat bahawa Bumiputera selain mereka dan masyarakat Kelantan lebih diterima berbanding warga asing lain (69%).

Merujuk kepada hasil temubual, reaksi di sebalik pandangan dari responden kaji selidik ini disebabkan kerana mereka tidak hanya berurusan dengan orang Bumiputera dan Kelantan sahaja. Lokasi Lojing yang berdekatan dengan Cameron Highland juga menjelaskan bahawa penduduk tempatan dikunjungi oleh pelbagai etnik dan jenis manusia.

10. Amalan menutup aurat dan bersopan santun amat dijaga oleh penduduk

1	36	<b>23%</b>
2	120	<b>77%</b>




Amalan menutup aurat dan bersopan santun tidak menjadi satu keutamaan dalam cara berpakaian penduduk (77%). Namun segelintir mereka (23%) mendisiplinkan diri supaya ia nampak lebih selamat dari sebarang ancaman.

Cuma apabila melalui informan, penduduk lojing amat mengambil berat soal keselamatan apabila bercakap tentang aurat dan kesopanan.

11. Golongan belia penduduk kebanyakannya berpendidikan tidak melepasi Sijil Pelajaran Malaysia.

1	44	<b>28%</b>
2	112	<b>72%</b>




Sebetulnya tidak ramai penduduk Temiar yang melepasi pengajian sehingga tahap Sijil Pelajaran Malaysia. Ada juga di kalangan belia yang tidak bersekolah dan buta huruf

Permasalahan ini telah ditekankan oleh pelbagai pihak dalam menanam sikap sukakan ilmu pelajaran kepada penduduk tempatan. Apa yang serius perlu diambil berat ialah ramai informan menyatakan puncanya disebabkan oleh sikap para ibubapa yang tidak memotivasikan anak-anak mereka untuk belajar lebih jauh.

12. Budaya kuning/hedonisme barat (yang rosak) sudah mempengaruhi golongan remaja penduduk .

1	58	<b>37%</b>
2	98	<b>63%</b>




Budaya kuning sudah mempengaruhi penduduk golongan remaja (63%). Ianya diakui oleh informan penduduk tempatan sendiri apabila ramai di kalangan remaja yang sudah pandai minum arak dan berjoli di samping wujud juga gadis Temiar terpengaruh dengan gejala maksiat.



13. Penduduk benci pengunjung yang menggesa mereka berubah dari budaya kini.


1	79	<b>51%</b>
2	77	<b>49%</b>



Walaupun perubahan dan pembangunan dianggap perlu oleh penduduk tempatan, tetapi mereka tidak melihat perubahan tersebut perlu berlaku sehingga mereka terpaksa menghilangkan identiti dan budaya warisan mereka sebelum ini. Sebab itulah hampir separuh daripada pernyataan responden (49%) benci dengan sikap pengunjung yang ingin membawa mereka berubah dari cara hidup yang mereka lalui kini.

14. Penduduk tidaklah hanya selesa bersama komunitinya, tanpa ada campur tangan masyarakat luar.

1	52	<b>33%</b>
2	104	<b>67%</b>



Pertepatan dengan perkembangan globalisasi kini, penduduk tempatan melihat bahawa perlu ada campur tangan dan komunikasi dua hala antara mereka dengan masyarakat luar. Namun, perlu dilihat bahawa masih ada 33% dari responden yang beranggapan hubungan dengan pihak luar boleh merosakkan nilai kehidupan yang mereka kecapai selama ini.

Sebagai tambahan dari maklumat (nilai, tradisi, budaya) yang mampu menyokong penerimaan hubungan ialah apabila berurusan dengan penduduk tempatan, usahawan muslim perlu:

1. Mengambil kira pembelaan nasib masyarakat tempatan.
2. Membangunkan ekonomi penduduk seiring dengan nilai kemanusiaan.
3. Menerapkan ketinggian budi bahasa dan tatasusila.
4. Perlu ada sumbangan hadiah atau makanan dan merancang apa-apa aktiviti hiburan yang membina apabila bersama mereka.
5. Jangan membuat janji yang sewenang-nya dengan mereka,
6. Membangunkan infrastruktur pendidikan dan keagamaan.
7. Mewujudkan kemesraan dan nilai kebersamaan (integrasi).
8. Memperbanyakkan program kemasyarakatan dan budaya.
9. Meningkatkan semangat kejiiran dan perpaduan.
10. Melakukan sistem kerahan dan kaedah makluman berkesan apabila melakukan program ilmiah dan ceramah kesedaran bagi mereka.
11. Menyekat pengaruh budaya kuning yang begitu menular di kalangan remaja mereka.

#### **4.0 Isu-Isu Berkaitan Cabaran Kepada Usahawan Muslim**

Cabaran yang perlu dilalui perlu dinyatakan agar usahawan muslim lebih bersedia menangani isu yang bakal didepani<sup>9</sup>, iaitu:

i. Pertindihan Projek dan Tanaman

Kebanyakan peladang dan petani mengusahakan jenis tanaman yang hampir sama. Ini menyebabkan persaingan yang tinggi serta kekurangan

---

<sup>9</sup> Aziz Latif, & Bala Shanmugam. (1998). *Survival Strategies for SMEs in Malaysia*, Proceedings: International Conference on Small and Medium Scale Enterprises. Volume 3, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

variasi produk kepada pelanggan. Walau bagaimanapun, ini dapat mengelakkan harga produk menjadi terlalu mahal akibat kuasa monopoli.

ii. Kekurangan Jaringan

Sistem telekomunikasi yang kurang baik menyukarkan peladang dari sudut perhubungan. Begitu juga dari sudut pengangkutan, kos yang tinggi perlu dibekalkan untuk pemasaran produk pertanian mereka.

iii. Kurangnya Keyakinan Pelabur

Pelabur mendapati kos yang tinggi bagi memulakan proses penanaman seperti proses tarahan bukit menyebabkan mereka tidak yakin dengan potensi pulangan modal. Selain itu, banyak projek sukar mendapat kelulusan kerana isu politik.

iv. Kesediaan Mengeratkan Hubungan dengan Masyarakat Tempatan

Kebanyakan peneroka menghadapi masalah dengan penduduk tempatan yang perlu dilayani sedangkan pada tanggapan mereka ini merupakan satu bebanan yang tidak perlu mereka memikulnya.

v. Tenaga Kerja dan Buruh

Ketelitian dalam memilih pekerja dan menguruskan tenaga kerja perlu diberi perhatian agar kebajikan mereka tidak terabai dan nantinya ia tidak akan menjadi satu ancaman kepada perniagaan yang diwujudkan.

**4.1. Cadangan Penyelesaian dan Penambahbaikan**

Antara pendekatan yang telah dicadangkan dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak sebelum ini yang boleh disahut bersama oleh usahawan muslim ialah:

1. Projek SEKADAR

Dalam projek ini, SEKADAR telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri untuk membangunkan Tanah Tinggi Lojing. SEKADAR kini diusahakan oleh Syarikat YAKIN, sebuah badan berkanun kerajaan negeri Kelantan. Usahawan muslim boleh menghubungi syarikat ini untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut.

2. Jaringan

Bagi membolehkan rantaian perniagaan dapat berjalan dengan baik, adalah amat penting bagi sistem pengangkutan dan perhubungan dibaiki serta sistem telekomunikasi diwujudkan. Ini bertujuan untuk memudahkan produk perniagaan IKS dipasarkan dengan kualiti yang terjamin.

3. Program Usahasama

Continental Farm, merupakan sebuah ladang yang kelihatan agak tenggelam dengan kawasan ladang lain di sekitarnya. Berikutan Continental Farm ini kelihatan amat berpotensi untuk dimajukan, satu usahasama untuk memulihkan projek ini sedang dilakukan oleh Pusat Latihan Pertanian KADA bersama-sama pihak Jabatan Pertanian Lojing, Kementerian Pertanian dan Kerajaan Persekutuan.

4. Program Pembangunan Usahawan dan Masyarakat Setempat

Dengan adanya pusat peranginan di kolam air panas, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) serta gerai-gerai dapat dibangunkan. Ini diharap dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan terutamanya orang asli Temiar.

#### 5. Program Kluster

Program Kluster merupakan satu program di mana peladang-peladang mengusahakan tanaman mereka secara pengkhususan. Ia menjurus kepada satu tanaman untuk satu peladang. Ia bertujuan untuk meningkatkan produktiviti bagi setiap hasil tanaman. Ini kerana peladang dapat memberi lebih tumpuan terhadap tanaman mereka.

#### 6. Pelabuhan Darat Pertanian

Melalui pembacaan kami berkenaan program pembangunan di Lojing, syarikat Modal Jati Berhad (MJB) ingin mengadakan program Pelabuhan Darat Pertanian. Program ini telah diwar-warkan oleh MJB di mana Lojing berpotensi menjadi kawasan pendaratan dan pemasaran produk-produk pertanian. Dalam program ini, MJB ini menjadikan Lojing pusat penanaman balak dari pokok jati dan meranti yang tinggi kualitinya. Selain itu, penanaman pokok herba turut dirancang di situ seperti tongkat ali, misai kucing, mas secotek, pandan wangi dan pelbagai spesies lagi. Cadangan pemeliharaan haiwan ternakan seperti biri-biri, rusa dan burung unta turut dibangkitkan.

Usahawan muslim boleh menyahut seruan yang sama dengan syarikat ini demi membangunkan ekonomi di kawasan tanah tinggi ini.

7. Rancangan Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECER) yang dilancarkan pada 2007 oleh Perdana Menteri Malaysia telah memberikan peruntukan yang besar kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) untuk memajukan ekonomi sekitar ini. Usahawan muslim boleh meninjau dan merebut Semarang peluang yang ditawarkan oleh pihak KESEDAR.

## **5.0 Kesimpulan**

Struktur Tanah Tinggi Lojing yang hampir serupa dengan Tanah Tinggi Cameron ini amat berpotensi untuk dimajukan. Ditambahi dengan penduduk tempatan yang mampu menyumbang sebagai sumber tenaga kerja akan memudahkan usaha pembangunan ekonomi. Walau bagaimanapun, pengusahaan tanaman dan perniagaan haruslah dirancang dan dilaksanakan dengan teliti bagi memelihara keindahan alam semulajadi Lojing yang belum tercemar.

Usahawan muslim perlu berani menahuti cabaran meneroka peluang ekonomi di sebalik kekayaan sumber alam yang dimiliki negara di kawasan Tanah Tinggi Lojing ini agar nanti ia tidak direbut oleh orang lain.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Aziz Latif, Zolkafli Husein, Hamzah Dato' Ab. Rahman (artikel tidak diterbitkan lagi). *Mengenalpasti Peluang-peluang Perniagaan yang Berdaya Maju*.

**Rujukan**

Aziz Latif, & Bala Shanmugam. (1998). *Survival Strategies for SMEs in Malaysia*, Proceedings: International Conference on Small and Medium Scale Enterprises. Volume 3, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Aziz Latif, Zolkafli Husein, Hamzah Dato' Ab. Rahman (artikel tidak diterbitkan lagi). *Mengenalpasti Peluang-peluang perniagaan yang berdaya maju*.

Abdul Aziz Ab. Latif (Prof. Madya), DKK. (2008) *Mengenalpasti dan Mengkaji Potensi Program Asas Keusahawanan di Lojing*, Prosiding: Seminar Penemuan Ekspedisi Saintifik di Lojing, Pengkalan Chepa: Universiti Malaysia Kelantan.

McMullan, Ed. W. and Long, Wayne A., (1990). *Developing New Ventures: The Entrepreneurial Approach*, Harcourt, Brace and Javanovich.

Nur Azuki Yusuff (Dr.) & Mohd Syahrul Azhan Mat Yaakub. (2008). *Kajian Penerimaan Pengunjung Oleh Penduduk Lojing Dan Nilai Budaya Yang Menyokongnya*, Prosiding: Seminar Penemuan Ekspedisi Saintifik di Lojing, Pengkalan Chepa: Universiti Malaysia Kelantan.